

BAB SATU

UNIVERSITI
MALAYA

BAB I

FASAKH DAN PEMBUBARAN PERKAHWINAN

1.1. Pendahuluan.

Pada asasnya suami mempunyai kuasa eksklusif dalam menceraikan isterinya melalui cerai talaq. Ini bermakna bahawa seseorang suami mempunyai kuasa penuh mempergunakan talaq samada mengatakan, misalnya : '*saya cerai*' atau '*talaq kamu*', maka perceraian suami isteri akan sabit. Harus diakui bahawa dalam perbincangan fiqh tidak dinyatakan sebab-sebab yang jelas untuk membolehkan seseorang suami menjatuhkan talaq. Ini bermakna seseorang suami boleh menceraikan isterinya sama ada wujud sebab mahupun tanpa sebab-sebab yang terang. Bukan setakat itu sahaja, perceraian itupun dapat dilakukan dengan tidak memerlukan campur tangan hakim dan kadang-kadang pula ada juga dengan hanya persetujuan isteri.

Bagaimanapun, Islam telah memberikan hak kepada isteri untuk membubarkan perkahwinan melalui beberapa cara iaitu: *khuluk*, *taklik*, dan *fasakh*. Dengan demikian terlihat bahawa Islam tetap memberikan nilai keseimbangan antara suami dan isteri dalam kehidupan rumah tangga. Sehingga pada suatu ketika si isteri boleh menggunakan haknya, manakala wujud karenah yang boleh memudaratkannya bila hubungan suami isteri itu diteruskan. Namun

tidak dapat dielakkan, dimana hak yang diberikan kepada isteri untuk membuat tuntutan pembubaran perkahwinan memerlukan sebab-sebab tertentu dan elemen-elemen sampingan yang lain untuk diproses lebih lanjut dan ianya diputuskan oleh hakim. *Fasakh* misalnya, dituntut apabila ada sebab tertentu yang diharuskan oleh syarak. Oleh kerana itu tujuan utama dalam bab ini adalah untuk membincangkan tentang *fasakh* dan pembubaran perkahwinan menurut syarak.

1.2. Pengertian *Fasakh*

Pengertian *fasakh* dari segi bahasa iaitu *membatalkan* atau *membubarkan*. Ini diambil dari perkataan ﴿ فسخ﴾ yang sepadan dengan kata ﴿ فسخ﴾ yang bermaksud *membatalkan* atau *membuang*. Dari perkataan ini pakar bahasa juga menggunakan dalam perkataan ﴿ فسخ﴾ iaitu *membatalkan* segala urusan. *Fasakh* juga bermaksud bercerai dengan keputusan kadi kerana isteri mengadu yang suaminya tidak memenuhi kewajipan.¹

Menurut al-Abu Luis Ma'lūfi, *fasakh* menurut bahasa adalah merosakkan pekerjaan atau *aqad*.²

Sebenarnya pengertian dari perkataan *fasakh al-nikāḥ* ini sukar untuk ditemui dalam buku-buku tulisan fukaha silam. Kebanyakan mereka terus membincangkan tentang sesuatu alasan sama ada ianya boleh diterima sebagai perceraian *talaq* ataupun *fasakh*. Sebagai satu contoh, Ibn 'Abidin dalam bukunya *Hasyiyah Radd al-Muhtar* menyebutkan, suami yang fakir atau tidak memberikan

khabar kepada isterinya tidak boleh dijadikan alasan untuk diberi *fasakh*. Beliau tidak memberikan apakah pula yang dimaksudkan dengan perkataan *fasakh* disini.³

Fasakh bermaksud membatalkan akad perkahwinan dan memutuskan tali perhubungan yang mengikat antara suami isteri yang disebabkan terdapatnya kecacatan semasa akad atau selepas akad yang menghalang sesuatu akad perkahwinan itu dari terus berlangsung.⁴

Perceraian *fasakh* juga dapat terjadi manakala ada bagi mana-mana pihak yang terbabit dalam suatu ikatan perkahwinan dan tidak berpuas hati dengan perkahwinan itu, tidak kira sama ada ianya disebabkan oleh kecacatan atau halangan-halangan lain dan ia boleh memohon *fasakh* melalui kuasa hakim⁵

Menurut Abdul Wahid Salayan, SH, *fasakh* adalah perceraian dengan perantaraan hakim. Isteri di dalam perkahwinannya itu akan mengadu halnya kepada hakim supaya perkahwinannya diputuskan. Dasar permohonan *fasakh* hendaklah yang dapat diterima oleh hakim seperti penyakit yang mengakibatkan tidak mungkin hidup berkeluarga atau nafkah sudah lama tidak diberikan.⁶

Sedangkan menurut Drs. Kamal Mukhtar, *fasakh* bererti mencabut atau menghapuskan, maksudnya ialah, perceraian yang disebabkan oleh timbulnya hal-hal yang dianggap berat, oleh suami atau isteri atau kedua-duanya sehingga mereka tidak sanggup untuk melaksanakan kehidupan suami isteri dalam mencapai tujuannya.⁷

Senada dengan pengertian di atas juga terdapat dalam kamus pengetahuan Islam, dimana *fasakh* bererti menyingkirkan atau meninggalkan. Satu istilah fiqh ini bermaksud pemisahan atau perceraian suami isteri yang dilakukan oleh hakim atas permintaan isteri tanpa mengira mendapat persetujuan suami. Perceraian *fasakh* ini berlaku kerana takut tidak memberi nafkah atau kerana menzaliminya atau kecacatan seperti gila.⁸

Fasakh juga bermaksud pemisahan atau perceraian suami isteri yang dilakukan oleh hakim atas permintaan isteri tanpa mengira persetujuan suami. Hal ini berlaku apabila hakim sudah pasti kekurangan suami kerana tidak memberi nafkah atau menzaliminya atau cacat, seperti gila, sopak, kurang tenaga dan sebagainya.

1.3. Perbezaan Antara *Fasakh* Dengan *Talaq*

Walaupun kedua-dua kaedah atau metod perceraian ini mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk memutuskan hubungan perkahwinan di antara suami dan isteri, tetapi sebenarnya terdapat banyak perbezaan di antara keduanya. Perbezaan keduanya adalah seperti berikut:

1.3.1. Perbezaan dari Segi Takrif

Adapun definasi *fasakh* sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, dimana perkataan *fasakh* mempunyai pengertian yang berbeza dari pada perkataan *talaq*. Ibnu Manzur mengatakan *fasakh* bermaksud membubarkan atau membatalkan.⁹ Sayyid Sabiq mendefinisikan *fasakh al-nikāḥ* sebagai membatalkan atau membubarkan ikatan pernikahan di antara suami dan isteri dengan berlandaskan sebab-sebab tertentu yang menghalang kekalnya perkahwinan tersebut.¹⁰

Sedangkan perkataan *talaq* dari segi bahasa diertikan sebagai “*melepaskan*” atau “*menguraikan ikatan*”.¹¹ Dari segi istilah pula Ibn ‘Abidin menyatakan bahawa *talaq* bermaksud, ‘menguraikan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafadz *talaq* sama ada secara *ba’iñ* ataupun *rāfi’i*.¹² Manakala di sisi mazhab Syafi’i pula perkataan *talaq* diertikan sebagai, menguraikan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafadz *talaq* atau seumpamanya.¹³

Dapat disimpulkan bahawa secara umum kedua-dua kaedah perceraian ini mempunyai maksud yang sama, iaitu memutuskan ikatan perkahwinan tetapi perbezaannya adalah perceraian secara *fasakh* akan membatalkan atau membubarkan ikatan perkahwinan, sedangkan *talaq* tidak membatalkan perkahwinan tetapi hanya melarang dari berterusannya ikatan perkahwinan tersebut hingga pada satu ketika perkahwinan itu boleh disambung semula.

Adapun perbezaan antara *fasakh* dengan *talaq* ini adalah :

- a. *Fasakh* memutuskan ikatan perkahwinan dengan serta merta dan berterusan. Talaq pula ada kala ikatan perkahwinan itu putus secara serta-merta dan berterusan seperti *talaq ba'in* dan ada pula putus selepas selesai tanpa *iiddah*.
- b. *Fasakh* memansuhkan yang dimiliki suami. Talaq mengurangkan bilangan tersebut apabila lafaz talaq, sama ada talaq itu dengan cara *ba'in* atau *rafi'i*.
- c. *Fasakh* dilakukan atas akad nikah yang sah dan tidak, sedangkan talaq hanya berlaku ke atas akad nikah yang sahaja.¹⁴

1.3.2. Perbezaan Dari Segi Kuasa Menceraikannya

Dalam sesetengah situasi *fasakh* boleh terus terlaksana walaupun belum diputuskan oleh hakim, seperti apabila salah seorang murtad, perkahwinan sesama adik beradik dan sebagainya. Tetapi kebanyakan pula perceraian secara *fasakh* bakal melibatkan kuasa hakim menjatuhkan hukuman selepas membicarakan permohonan isteri walaupun tanpa adanya persetujuan suaminya.¹⁵ Hak untuk mengambil tindakan membubarkan perkahwinan terbina di atas konsep *wilayah* am seorang hakim ke atas seluruh manusia dimana hakim bertanggung jawab mengangkat kemudarat yang berlaku ke atas salah satu pihak yang berakad apabila berlaku sebab-sebab tertentu. Contohnya apabila suami mengalami kecacatan atau keaiban, hakim membubarkan perkahwinan mereka secara *fasakh*.

tanpa menggunakan sebarang lafaz cerai dan pemisahan tersebut adalah sah walaupun suami tidak menyetujuinya.¹⁶

Sedangkan *talaq* dianggap sah apabila dilafazkan atau dijatuhkan oleh suami kepada perempuan yang dicerai sahaja atau orang yang diwakilkannya sahaja. Orang lain tidak mempunyai hak untuk melafazkannya. Malahan jika dilakukan sekalipun syarak tidak mengiktirafkannya.¹⁷

1.3.3. Perbezaan Dari Segi Bilangan Baki Talaq

Pada dasarnya *fasakh* boleh berlaku ke atas perkahwinan yang sah atau perkahwinan yang *fasid* dalam pandangan syarak seperti perkahwinan di antara dua adik beradik muhrim atau sesusan. Sekiranya *fasakh* diluluskan ke atas suatu perkahwinan yang sah dengan alasan yang dibenarkan, seperti suami tidak memberi nafkah, maka pasangan tersebut tidak boleh melakukan rujuk semasa dalam *‘iddah* melainkan dengan menggunakan akad yang baru.¹⁸

Sedangkan *talaq* boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *talaq raj‘i* dan *talaq ba‘in*. Jika *talaq raj‘i*, suami masih boleh merujuk isteri yang dicerai semasa dalam *‘iddah* tanpa memerlukan akad nikah yang baru. *Talaq ba‘in* terbahagi kepada dua, iaitu *ba‘in sughra* dan *ba‘in kubra*. Jika isteri di *talaq* dengan *talaq ba‘in sughra*, suami tidak boleh merujuk isterinya tetapi hanya boleh berkahwin dengan akad yang baru. Manakala jika isteri dicerai dengan cara *talaq ba‘in kubra* pula, suami tidak boleh berkahwin dengan isterinya walaupun

setelah tamat tempoh *‘iddah* kecuali apabila si isteri telah berkahwin dengan lelaki lain, telah melakukan persetubuhan dan kemudiannya bercerai secara sah dengan suami keduanya. Ketika itu barulah si suami boleh mengahwini bekas isterinya selepas tamat waktu *‘iddahnya*.¹⁹

1.3.4. Perbezaan dari Segi Sebab.

Perceraian *fasakh* adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang terang menurut syarak. Sebab itu juga mungkin wujud mula selepas akad, tidak kira sama ada sebab itu kabur atau jelas, dan *fasakh* tidak boleh dilakukan selain dari pada sebab-sebab yang diperakui oleh syarak.²⁰ Untuk lebih jelasnya tentang masalah alasan *fasakh* ini, akan diuraikan dalam bab berikut yang membahas tentang alasan-alasan *fasakh* menurut syarak.

1.4. Klasifikasi Perceraian *Fasakh*

Klasifikasi perceraian *fasakh* menurut *‘Ali Ḥasb Allāh*²¹ sebagaimana yang dinyatakannya bahawa *fasakh* dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu, Pertama, pembubaran yang berkehendak kepada keputusan hakim. Kedua, pembubaran yang berlaku secara merta-merta tanpa memerlukan campur tangan hakim.

1.4.1. *Fasakh* Yang Memerlukan Campur Tangan Hakim

Kalau kita tinjau *fasakh* yang memerlukan keputusan hakim terjadi apabila kes *fasakh* tidak jelas atau kabur. Maka pihak yang menuntut *fasakh* mestilah merujuk kepada keputusan hakim. Ini kerana sebab-sebab yang membawa kepada perceraian *fasakh* tidak begitu jelas dan tersembunyi. Dalam keadaan seperti ini pihak yang ingin menuntut *fasakh* memerlukan keputusan muktamad dari pada hakim.

Ini bermakna sebelum hakim memutuskan sesuatu perceraian secara *fasakh*, ikatan perkahwinan akan tetap berlangsung seperti sediakala. Contohnya perceraian kerana suami mati pucuk atau mempunyai kecacatan tertentu yang membolehkan isteri menuntut *fasakh*.²² Contoh lain suami impoten, sedang isteri tidak senang dengan keadaan suaminya sedemikian. Maka dalam keadaan demikian isteri berhak untuk merujuk kepada hakim.

1.4.2. *Fasakh* Yang Tidak Memerlukan Campur Tangan Hakim

Adapun *fasakh* yang tidak memerlukan keputusan hakim dikategorikan apabila sebab-sebab yang membawa kepada perceraian *fasakh* jelas, terang dan dapat diketahui dengan mudah. Contohnya perceraian *fasakh* semacam ini di antaranya, kerana salah satu pihak murtad atau enggan memeluk agama Islam sedangkan pihak yang lain memeluk Islam. Dalam masalah ini ikatan perkahwinan akan *terfasakh* dengan sendirinya walaupun tiada keputusan hakim yang dibuat.

Walau bagaimanapun suami atau isteri perlulah mengambil inisiatif sendiri ke arah melaksanakan *fasakh*. Sekiranya tiada sebarang tindakan yang dibuat oleh kedua pihak suami atau isteri dan dalam keadaan ini ada orang lain yang mengetahuinya maka orang lain tersebut mempunyai kewajipan untuk membawa kes ini kepada hakim supaya perkahwinan itu *difasakhkan*.²³

Contoh yang lain dapat kita ketahui apabila terjadi pernikahan yang kemudiannya diketahui bahawa antara suami dan isteri adalah orang yang nyata haram dikahwini menurut agama Islam. Pada masa itu mereka terus *difasakhkan* perkahwinannya, tanpa memerlukan keputusan hakim atau melalui prosedur tertentu.

1.5. Kedudukan Kuasa Hakim

Secara umum dalam banyak keadaan yang melibatkan tuntutan *fasakh*, campur tangan hakim adalah merupakan suatu yang sangat perlu dan dilihat sebagai unsur terpenting di dalam pelaksanaan perceraian secara *fasakh* ini.

Berdasarkan hal tersebut di atas, maka setengah ulama ada yang meletakkan pembahasan tentang perceraian *fasakh* ini dapat dilihat di dalam salah satu tajuk khusus, iaitu pembubaran perkahwinan di bawah kuasa hakim. Hal ini dapat dilihat dalam tulisan Dr. Abd al-Fattah Muhammad Abu al-Husayni,²⁴ yang turut meletakkan peruntukan ini di bawah tajuk *al-Tafriq bi Hukm al-Qadi*.

Dr. Abd al-Karim Zaydan²⁵ pula tidak menggunakan perkataan berkaitan kuasa hakim tetapi membahagikan perbahasannya kepada *al-Tafriq li al-Darar*, *al-Tafriq li Adam al-Infaq* dan *al-Tafriq li Ghaybah al-Zawj*. Namun begitu beliau menyatakan bahawa kesemuanya memerlukan kuasa hakim untuk memutuskan perkara yang diperselisihkan di antara pasangan yang terlibat.

Pembahagian secara formal ini tidak terdapat di dalam kitab-kitab para ulama silam. Mereka tidak meletakkan tajuk yang khusus tetapi membahaskan peruntukan *fasakh* ini secara berselerak. Namun demikian ada juga di antara mereka yang menyatakan tentang kuasa hakim sebagai pihak pemutus yang membuat perintah dan keputusan di dalam kes-kes tersebut.

Apa yang dapat disimpulkan dari tindakan ulama kini ialah mereka sebenarnya bukanlah bertindak bertentangan dengan perbincangan ulama klasik tetapi sebaliknya membawa pembaharuan dengan cara mengambil kesemua yang dibahaskan dan menyeragamkannya di bawah satu tajuk yang khusus. Penyusunan secara sistematis ini sebenarnya adalah suatu jasa yang besar dan sangat dihargai oleh semua pengkaji baru yang ingin mendalamai peruntukan ini. Ini kerana usaha mereka itu telah memudahkan kita semua mencari maklumat serta lebih memudahkan lagi pemahaman terhadap peruntukan perceraian secara *fasakh*.

1.6. Pembubaran Perkahwinan Melalui Mahkamah

1.6.1. Pembubaran Perkahwinan Kerana *Ila'*

Ila' ialah bersumpah tidak mau menyetubuhi isteri dalam tempoh lebih dari empat bulan. Ianya merupakan persoalan yang kurang diberi perhatian, khususnya dalam suasana hidup suami isteri dalam sesebuah negara. Kekurangan maklumat mengenainya tidak sahaja berlaku di kalangan masyarakat am tetapi juga berlaku di dalam kalangan terpelajar dan yang berpendidikan agama. Kerana itu ia dirasakan sangat perlu disentuh secara mendalam mengenainya.

Adapun definisi *ila'* menurut syarak ialah bersumpah tidak mahu menyetubuhi isteri yang sah tanpa sebarang tempoh atau lebih dari empat bulan.²⁶

Mengenai dasar hukum *ila'* ini terdapat dalam firman Allah swt. Surat al-Baqarah ayat 226-227 :

لِلَّذِينَ يُؤْلُمُونَ مِنْ نَسَاءِهِمْ تَرْبِضُ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ فَإِنْ فَأْتُوهُنَّا عُذْرًا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ وَّإِنْ عَزَمُوا
الظَّلَالَ قَبْلَ أَنْ يَأْتِيَنَا سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ

Maksudnya:

*Bagi orang-orang yang bersumpah tidak mahu bersetubuh dengan isteri mereka, diberi tempoh selama empat bulan, kemudian jika mereka kembali kepada isteri mereka maka sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha penyayang. Dan jika mereka berazam untuk bercerai, maka sesungguhnya Allah maha mendengar lagi maha mengetahui.*²⁷

Dalam Islam bersumpah untuk tidak menyebuhui isteri adalah haram. Ianya memberi kemudarat kepada isteri kerana persetubuhan merupakan suatu keperluan dan kimestian untuk memenuhi tuntutan naluri jantina manusia secara sah disamping melahirkan zuriat.

Mengharamkan isteri dari menikmati seks secara halal yang dikurniakan oleh Allah kepadanya boleh mengakibatkan isteri menanggung kesengsaraan di masa menunaikan tugasnya dalam keluarga, sama ada terhadap anak-anak mahupun dalam tugas kesehariannya. Disamping itu perbuatan demikian juga boleh menimbulkan perasaan curiga di dalam dirinya bahawa beliau seakan telah dibenci dan dipulaukan oleh suaminya. Keadaan ini akan membuat beliau menderita.²⁸

Mengenai rukun *ila'* dan syarat-syaratnya yang boleh dibawa ke mahkamah untuk pembubaran perkahwinan adalah sebagai berikut:²⁹

1. Orang yang bersumpah. Beliau hendaklah mempunyai syarat:
 - a. Hendaklah ia seorang mukallaf. Mampu membuat keputusan dalam suatu perkara.
 - b. Dia adalah suami dari perempuan yang *diila'* ke atasnya.
 - c. Dia adalah orang yang mampu melakukan persetubuhan
2. Isterinya boleh disetubuh.

3. Lafaz itu hendaklah digunakan untuk bersumpah seperti nama dan sifat Allah atau perkataan yang menyebabkan perkara yang disumpah itu menjadi wajib ditunaikan seperti *nazar*, *taqliq* atau memerdekaan hamba.
4. Tempoh masa ini disyaratkan mesti lebih sedikit dari empat bulan walaupun seketika yang pendek atau dilafazkan dalam bentuk masa yang tidak terhad tempohnya.
5. Perbuatan yang disumpah ialah persetubuhan manakala bersumpah tidak mahu tidur bersama, tidak mahu bercium dan lain-lain perbuatan yang boleh menaikkan nafsu tidaklah dinamakan *ila'*.
6. Lafaz-lafaz *ila'* terbahagi kepada dua, iaitu:
 - a. Perkataan secara *sarih* (terang) seperti perkataan bersetubuh.
 - b. Perkataan *kinayah* (sindir) seperti perkataan sentuh hampir, masuk dan sebagainya.

1.6.1.1. Bentuk-Bentuk Dan Hukum *ila'*

Para fuqaha' sepandapat bahawa seseorang yang telah bersumpah tidak mahu menyetubuh isterinya lebih dari empat bulan adalah terlibat dengan hukum sumpah. Tetapi mereka berselisih pendapat mengenai hukum orang yang bersumpah tidak mahu bersetubuh dalam tempoh empat bulan genap.

Imam Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa orang yang bersumpah tidak mahu bersetubuh genap empat bulan adalah termasuk ke dalam hukum *ila'*. Manakala kebanyakannya fuqaha termasuk di dalamnya Imam Syafī'i, Malik, dan Ahmad berpendapat bahawa orang yang bersumpah tidak mahu bersetubuh genap empat bulan tidak termasuk ke dalam orang yang bersumpah, kerana Allah memberi tempoh empat bulan selepas itu dia boleh pilih sama ada mahu kembali bersetubuh dengan isterinya itu atau terus menceraikannya. Apabila suami bersumpah tidak mahu bersetubuh, tetapi tiba-tiba dalam tempoh empat bulan itu beliau menyetubuhi isterinya, maka selesailah sumpahnya itu dan beliau wajib membayar kifarat sumpah seperti yang dikenakan ke atas orang yang melanggar sumpah.³⁰

Tetapi sekiranya beliau tetap berpegang kepada sumpahnya dan tidak mahu menyetubuhi isterinya, maka isterinya itu wajib bersabar selama empat bulan lebih sedikit. Walaupun masa yang lebih itu tidak mencukupi untuk membuat aduan kepada qadi.

Apabila setelah tamat tempoh tersebut dan suami tetap tidak mahu menyetubuhi isterinya, maka bolehlah isteri itu membuat aduan kepada qadi menuntut supaya suaminya menyetubuhinya. Setelah mendapat aduan, qadi menuntut supaya suaminya menyetubuhi isterinya dengan seberapa segera yang boleh, kecuali suami meminta tempoh yang sesuai sekadar tempoh yang membolehkan menyetubuhinya. Misalnya, ketika beliau terlalu lapar atau terlalu kenyang atau untuk menghidangkan makanan yang telah dimakan atau untuk

meneruskan puasa Ramadan sehingga berbuka, permintaannya itu diperkenankan. Selepas itu beliau terus menyetubuhinya, maka gugurlah sumpahnya dan beliau wajib membayar denda.

Sebaliknya jika setelah mendapat perintah dari qadi beliau masih enggan menyetubuhinya maka qadi akan menjatuhkan talaq ke atas isterinya. Ketika qadi menjatuhkan talaq beliau berkata: "Aku jatuhkan satu talaq ke atas si Fulanah (isteri) dari pada si Fulan (suami)". Qadi mestilah menyebut perkataan '*daripada*' iaitu '*atas nama*' kerana beliau menceraikan isteri itu dari pihak suami, jika tidak disebutkan perkataan '*daripada*' maka perceraian itu sah.

Di saat talaq akan dijatuhkan suami mestilah hadir di dalam majlis tersebut sekiranya beliau boleh berbuat demikian. Jika beliau tidak mampu menghadirinya, talaq akan dijatuhkan oleh qadi tanpa kehadirannya. Dan talaq semacam ini sudah dianggap sebagai sah.³¹

1.6.1.2. Jenis Denda

Jenis denda yang dikenakan ke atas seorang yang melanggar sumpah kerana tidak mahu menyetubuh isteri adalah diberi pilihan sama ada memberi makan sepuluh orang miskin, setiap orang secupuk bijian yang menjadi makanan asasi tempatan atau memberi pakaian kepada sepuluh orang miskin atau memilih membebaskan seorang hamba yang boleh bekerja. Jika tidak mampu menyediakan dari tiga jenis

denda di atas, beliau mestilah berpuasa tiga hari berturut-turut atau berselangan hari.³²

Ini berdasarkan kepada Firman Allah swt dalam surat al-Mai'dah ayat 89:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللُّغُورِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَدَّتُمُ لِأَيْمَانِكُمْ فَكَفَّارَةٌ لِهُ اطْعَامٌ
عَشَرَةً مَسَاكِينٍ مِنْ أَوْ سَطِ مَا تُطْعِمُونَ أَهْلِكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيمَانٌ
ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ ذَلِكَ كَفَارَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَقْتُمْ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَيْمَانَكُمْ
ئَشْكُرُونَ

Maksudnya:

Dan tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah kamu yang tidak disengajakan(untilk bersumpah) akan tetapi kamu dikira salah olehnya dengan sebab sumpah yang kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya adalah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekan seorang hamba, kemudian setiap yang tidak dapat (menunaikan benda tersebut) maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu adalah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah (peliharalah) sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya , Supaya kamu bersyukur.³³

1.6.1.3. Jenis Talaq

Mazhab Imam Abū Ḥanifah berpendapat talaq yang dijatuhkan kerana *ila'* dikira talaq *ba'īn*, kerana sekiranya talaq dalam keadaan demikian dikira sebagai talaq *rafi'i*, sudah tentu bolehlah suami memaksa isteri yang *diila'nya* itu menerima rujuknya kerana rujuk adalah hak suami. Keadaan ini sudah tentu mencabar kepentingn hidup isteri tersebut dan beliau masih juga terdedah kepada bencana yang memudaratkannya.

Imam Syafī'i , Imam Malik, Sa'īd bin al-Musayyab dan Abū Bakar bin 'Abd al-Rahmān pula berpendapat bahawa talaq yang dilakukan atas sebab *ila'* adalah dikira jatuh talaq *rafi'i*, kerana tidak ada sebab ia menjadi talaq *ba'īn*. Talaq yang berlaku itu adalah talaq ke atas seorang isteri yang telah disetubuhinya tanpa dibayar sebarang imbuhan. Oleh itu tidak boleh beliau mengambil kesemua sekali haknya dari suaminya itu.³⁴

Seperti yang terdapat dalam kitab *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid ilā'*, jumhur berpendapat, sekiranya isteri yang diceraikan atas kuasa qadi atas sebab, manakala isteri itu belum disetubuh, talaq yang dijatuhkan itu adalah dikira talaq *ba'īn*.³⁵

1.6.2. Pembubaran Perkahwinan Kerana *Lif'an*

Lif'an menurut bahasa adalah menjauhkan diri dari kebaikan sedangkan menurut pengertian syarak *lif'an* adalah kalimat tertentu yang menjadi senjata kepada orang yang terdesak kerana menuduh seseorang yang telah mengotori kesucian rumah tangga serta memberi malu kepadanya. Ia juga dilakukan dengan tujuan menafikan keturunan seseorang anak itu.³⁶

Adapun dasar hukum *lif'an* ini didasarkan kepada firman Allah swt. dalam surat al- Nur ayat 6-9 :

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُمْ شُهَدَاءٌ إِلَّا أَنفُسُهُمْ فَشَهَادَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ أَنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ . وَالْخَامِسَةُ أَنْ لَعْنَةَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ . وَيَدْرُغُوا عَنْهَا الْعَذَابَ إِنْ شَهَدَ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ أَنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ . وَالْخَامِسَةُ أَنْ غَضَبَ اللَّهُ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ .

Maksudnya :

“Dan orang-orang yang menuduh isteri-isteri mereka berzina padahal mereka tidak mempunyai saksi-saksi selain diri sendiri, maka saksi mereka adalah empat kali bersumpah dengan nama Allah, sesungguhnya dia adalah dalam kumpulan orang-orang yang benar dan sumpah yang kelima bahawa ia bukan Allah menimpanya jika ia jika ia termasuk ke dalam kumpulan orang-orang yang berdusta, isterinya pula dihindarkan dari hukuman oleh sumpahnya sebanyak empat kali dengan menyebut nama Allah, sesungguhnya suaminya itu termasuk ke dalam kumpulan orang yang bedusta dan sumpahnya

*yang kelima, bahawa Allah murka kepadanya sekiranya suaminya termasuk kedalam kumpulan orang-orang yang benar.*³⁷

1.6.2.1. Syarat-syarat *lif'an* :

syarat *lif'an* itu adalah sebagai berikut:

1. Seseorang yang *berlif'an* hendaklah dari orang-orang yang layak bersumpah³⁸ iaitu terdiri daripada mereka yang telah sampai umur dan sempurna akalnya.³⁹
2. Suami terlebih dahulu menuduh isterinya melakukan zina.⁴⁰
3. Diisyaratkan perkataan-perkataan laknat dan murka itu dikemudiankan dari keempat-empat sumpah tersebut dan sumpah-sumpah tersebut dilakukan secara berturut-turut.

Lif'an dimulakan setelah mendapat perintah hakim serta selepas beliau mengajar cara menyebutnya. Jika suami melakukan *lif'an* sebelum mendapat kebenaran dari hakim, *lif'an* tidak dikira sah. Manakala *lif'an* dari pihak isteri dilakukan setelah *lif'an* dari pihak suami.⁴¹

Dalam hal tersebut di atas, timbul suatu persoalan, bagaimana *lif'an* dilaksanakan? Jumhur fuqaha berpendapat, upacara *lif'an* tidak boleh dilaksanakan melainkan seperti mana yang disarankan oleh Allah di dalam Al-Qur'an termasuk penggunaan lafaznya. Ia juga tidak boleh dijalankan sebelum diperintah oleh hakim.⁴²

Sebelum *lif'an* dijalankan, disunatkan untuk memilih waktu yang sesuai dengan peristiwa ini. Waktu yang sesuai adalah selepas sembahyang Asar, pada hari Jum'at. Sedangkan tempat *lif'an* dilaksanakan ialah tempat yang paling mulia dan terhormat dalam sebuah negeri, seperti tempat antara Hajjar Aswad dengan Maqam Ibrahim di Mekah, di Mimbar Rasulullah di Medinah⁴³ di sisi sebuah batu yang menjadi kiblat para nabi terdahulu⁴⁴ dan tempat yang lain adalah di atas mimbar di dalam masjid.⁴⁵

Mengenai saksi pula, sekurang-kurangnya saksi yang berada di dalam majlis tersebut ialah empat orang yang terdiri dari orang-orang yang beriman, saleh dan adil. Dipermulaan upacara ini, hakim akan memberi ingat kepada kedua belah pihak iaitu suami dan isteri supaya takut kepada Allah dan menasehati mereka bahawa azab di akhirat itu amat pedih dan berkekalan. Ingatan ini dilakukan dengan lebih bersungguh-sungguh apabila mereka selesai menuaikan sumpah yang keempat dan sebelum melakukan sumpah yang kelima. Ketika *lif'an* mereka disunatkan melakukan sambil berdiri.⁴⁶

Prosedur yang sama akan diikuti oleh isteri apabila beliau mahu memulakan *lif'annya* terhadap suaminya. Sebelum beliau memulakan sumpah yang kelima setelah diberi ingatan tentang azab di akhirat. Hakim akan memerintah seseorang perempuan menutup mulutnya, dengan harapan beliau tidak akan meneruskan hasratnya itu. Jika beliau masih ingin meneruskannya, hakim akan memerintahkan beliau berbuat demikian.⁴⁷ Tetapi perkataan laknat yang digunakan oleh suaminya ditukar dengan perkataan dimurkai Allah, seperti katanya: "Wajib ke atasku mendapat kemurkaan Allah sekiranya dia (suaminya) dari kumpulan orang yang benar".⁴⁸

Imam Syafi'i berpendapat jika suami lupa semasa *lī'annya* itu menafikan terhadap anak yang dikandung oleh isterinya, maka bolehlah beliau memberi tahu semula kepadanya, sekiranya beliau mahu menafikannya. Beliau boleh mengulangi semula *lī'annya*. Manakala isterinya tidak perlu mengulangi semula *lī'annya* terhadap suaminya⁴⁹ kerana mengikut pendapat yang sahih *lī'an* isteri tidak ada hubungan dengan anaknya⁵⁰

1.6.2.2. Kesan Dari *Lī'an*

Dengan selesainya *lī'an* dari pihak suami maka sabitlah perceraian di antara beliau dan isterinya. Dengan itu juga sabitlah lima perkara⁵¹ ke atas pasangan tersebut:

1. Gugurnya hukuman 80 kali sebat yang dikenakan ke atas suami kerana menuduh isterinya berzina.
2. Wajib dikenakan hukuman hudud zina ke atas isteri sekiranya beliau tidak melakukan *lī'an* balas ke atas suaminya. Ini didasarkan pada Firman Allah dalam surat al-Nūr ayat 8 - 9 :

وَيَدْرِعُونَ عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعَ شَهِيدَاتٍ بِاللَّهِ أَئْمَانُ الْكَادِيْنَ . وَالْخَامِسَةَ أَنْ غَضَبَ اللَّهُ

عَلَيْهَا أَنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ .

Maksudnya :

"Dan isterinya itu dihindarkan dari hukuman oleh sumpahnya sebanyak empat kali atas nama Allah sesungguhnya suaminya itu benar-benar termasuk di dalam kumpulan orang-orang yang dusta, dan sumpah yang kelima bahawa laknat Allah ke atasnya jika suaminya termasuk ke dalam kumpulan orang-orang yang benar.⁵²

3. Hilanglah hak suami ke atas isterinya, iaitu hak tidur bersama yang diharuskan oleh syarak. Ini berdasarkan kepada tindakan Rasulullah saw yang telah menceraikan pasangan yang *berlif'an*.
4. Ternafī hubungan nasab anak dengan bapaknya sekiranya beliau menafikan di dalam *lif'annya*.
5. Mereka berdua diharamkan bersatu (berkahwin) buat selama-lamanya.

Setelah sabit hukuman hudud kerana berzina ke atas isteri, yang disebabkan oleh *lif'an* suaminya, maka tiada jalan lain bagi isteri untuk mengelakkan dari hukuman tersebut, melainkan dengan cara beliau melakukan *lif'an* balas menafikan tuduhan suaminya itu. Ini diterangkan oleh al-Imam Yūsuf al- Irdābili di dalam kitabnya,⁵³ menurutnya: "Dan apabila isteri melakukan *lif'annya*, gugurlah hukuman hudud zina darinya dan tidak wajib lagi dikenakan hukuman itu ke atasnya.

1.6.2.3. Jenis Perceraian

Mengikut pendapat Imam Syafi'i, Imam Ahmad dan lain-lain, bahawa perceraian dengan cara *lif'an* adalah dikira *fasakh*, berdasarkan perceraian ini memastikan

pengharaman buat selama-lamanya. Maka atas alasan inilah yang menyebabkan ianya dikira *fasakh*, seperti mana perceraian yang disabitkan atas sebab susuan. Kedua-duanya diharamkan buat selama-lamanya. Lebih-lebih lagi *h'ifan* bukanlah merupakan talaq dengan cara sarih yakni terang dan bukan juga dengan cara *kinayah* iaitu sindir.⁵⁴

1.6.3. Pembubaran Perkahwinan Kerana Cacat (*fuyub*)

Di antara kecacatan yang membolehkan seseorang meminta supaya perkahwinannya *difasakhkan* ialah kecacatan yang berlaku pada alat kelamin, seperti terpotong zakar atau mati pucuk,⁵⁵ atau *ratqa'* atau *qarna*⁵⁶ atau kecacatan berupa penyakit gila atau sopak.⁵⁷

Imam Syafi'i, Imam Ahmad dan Imam Malik berpendapat bahawa setiap orang yang berpasangan dan telah melangsungkan perkahwinan berhak menuntut kepada qadi untuk membubarkan perkahwinan mereka jika terdapat salah satu kecacatan tersebut pada pasangannya.⁵⁸

Imam Abū Ḥanīfah dan murid-muridnya pula tidak mengharuskan pembubaran perkahwinan melalui qadi atas sebab kecacatan isteri, kerana suami boleh menggunakan kuasa talaq yang dimilikinya. Tetapi mereka mengharuskan pembubaran perkahwinan melalui qadi apabila suami mengalami mati pucuk atau terpotong zakarnya.⁵⁹

Pengikut-pengikut mazhab Ḥanafi berpendapat, dalam perkara semacam ini kenapa seorang suami tidak diharuskan khyar. Hal ini kerana kecacatan yang wujud pada isteri itu adalah memadai atau cukup bagi suami dengan kuasa talaq yang dimilikinya. Beliau boleh melakukan talaq apabila kecacatan isterinya tidak ada harapan untuk sembuh. Kerana perkahwinan itu berasas kepuasan. Maka menceraikan isteri yang cacat seperti itu dibolehkan kecacatannya adalah suatu rahmat dan bertimbang rasa terhadapnya.⁶⁰

1.6.3.1. Syarat-syarat Pembubaran.

Adapun syarat-syarat pembubaran perkahwinan kerana *‘uyub* boleh dilakukan apabila terdapat:

- a. Kcacatan itu hendaklah dibawa kepada hakim.⁶¹
- b. Kcacatan kerana mati pucuk hendaklah diberi tempoh selama setahun sebelum dilakukan fasakh untuk membuktikan kebenaran dakwaan isteri.⁶²
- c. Khyar hendaklah dilakukan dengan serta merta kerana ia dibenarkan atas sebab wujud kecacatan tersebut.⁶³
- d. Kcacatan itu tidak diketahui sebelum akad dijalankan. Sekiranya ia telah diketahui sebelumnya dan mereka telah meridainya, maka *fasakh* tidak boleh dilakukan, kecuali mati pucuk. Sekalipun telah diketahui sebelum akad, pihak isteri masih berhak menuntut *fasakh* ke atas suaminya.⁶⁴

Syarat-syarat Ketentuan Mati Pucuk.

Untuk mengetahui seseorang mengidap penyakit mati pucuk ini, mempunyai dua syarat:

- a. Bahawa suami itu bukan seorang kanak-kanak atau gila. Jika beliau seorang kanak-kanak atau gila, dakwaan beliau mengidap penyakit mati pucuk tidak diterima. Kerana mati pucuk tidak boleh disabitkan melainkan melalui salah satu dari dua cara, iaitu: pengakuan dari pihak suami; dan dengan cara suami enggan bersumpah sedangkan isteri bersumpah menolak dakwaan suami.
- b. Kecacatan itu berlaku sebelum persetubuhan antara suami isteri. Jika kecacatan itu berlaku setelah persetubuhan dilakukan isteri tidak berhak meminta *fasakh*. Kerana keadaan demikian masih ada harapan untuk sembuh.⁶⁵

Pengadilan dan Penyelesaiannya

Qadi akan memberi masa setahun kepada suami yang mengalami mati pucuk tersebut untuk memastikan keadaanya yang sebenar. Setelah dakwaan disabitkan di hadapan qadi sama ada dengan cara membuat pengakuan atau dengan cara bersumpah. Qadi akan menangguhkan kes tersebut selama setahun bermula kecacatan itu disabitkan.

Setelah berlaku masa setahun, isteri akan mengulangi lagi kesnya itu kepada qadi tersebut. Dimasa itu jika suami mendakwa beliau telah menyetubuhi isterinya, manakala isterinya itu bekas seorang janda maka suami itu hendaklah menguatkan dakwaannya dengan bersumpah. Jika beliau enggan dari bersumpah, isteri pula yang akan bersumpah untuk menafikan bahawa beliau telah disetubuhi, atau suami telah mengakui pernafian isterinya. Setelah itu barulah qadi *memfasakhkan* perkahwinan mereka. Jika isteri itu seorang dara, maka beliau yang bersumpah terlebih dahulu. Jika beliau enggan bersumpah, maka suaminya pula yang bersumpah.⁶⁶

Untuk menentukan seseorang isteri yang memang telah disetubuhi atau tidak, pengarang kitab *Raj'ah fī al-Fiqh al-Islāmī*⁶⁷ telah memetik kitab *Al-Umm*, antara lain: untuk mengetahuinya adalah dengan cara isteri yang dara itu diperlihatkan kepada empat perempuan yang adil. Jika mereka memperakui beliau masih dara, maka perakuan diperakui sebagai bukti suaminya belum menyetubuhinya. Jika sebaliknya, maka dakwaan suami diterima dengan cara suami harus bersumpah.

Khiyar Dari Pihak Suami

Jika suami mengetahui kecacatan isterinya sebelum persetubuhan dilakukan, beliau berhak untuk membuat (pilihan) ke atas perkahwinan mereka. Jika sekiranya beliau memilih untuk bercerai, maka isteri tidak berhak untuk mendapat mas kahwin, walaupun separo, beliau juga tidak mendapat apa-apa saraan. Tetapi suami tersebut masih mengekalkan perkahwinan selepas kecacatan

diketahui atau beliau terus juga mengahwini perempuan yang telah diketahui kecacatannya, maka beliau tidak berhak lagi untuk melakukan *khiyar*.⁶⁸

1.6.3.2. Jenis Perceraian Kerana *‘Uyub*

Para fuqaha membahagikan kepada dua kumpulan pendapat dalam menentukan jenis perceraian kerana *‘uyub*, antara lain adalah sebagai berikut:

- a. Mazhab Syafi‘i berpendapat, perpisahan yang berlaku atas sebab cacat adalah *fasakh*. Kerana perpisahan itu bermula dari pihak isteri dan atas permintaannya.⁶⁹
- b. Mazhab Hanafi dan Maliki berpendapat bahawa, perceraian yang berlaku atas sebab cacat dikira *talaq ba‘in* yang tidak boleh dirujuk kembali.⁷⁰

Dalam hal ini pendapat yang dikemukakan oleh mazhab Syafi‘i adalah lebih sesuai untuk diterapkan, kerana perpisahan itu berlaku atas permintaan isteri yang tidak sanggup menerima kecacatan tersebut. Perpisahan atas permintaan isteri adalah dikira *fasakh*.

Adapun pendapat-pendapat ulama tentang kecacatan yang tersembunyi pada diri isteri atau suami yang dijadikan sebagai alasan *fasakh* adalah sebagai berikut:

- a. Menurut mazhab Syafi'i adalah seperti penyakit gila, kusta, sopak, kemaluan terpotong, mati pucuk, tumbuh tulang dalam lubang kemaluan, kemaluan tertutup atau tumbuh daging dalam kemaluan.
- b. Menurut pendapat mazhab Ḥambali adalah seperti penyakit gila, kusta, sopak, mati pucuk, terpotong dua kemaluan, kencing manis, kemaluan bernanah, bawasir dan mulut berbau busuk.
- c. Menurut pendapat mazhab Maliki adalah seperti penyakit gila, kusta, sopak, keluar tahi ketika bersenggama, *jubb*, mati pucuk, terpotong dua biji zakar, dan lemah kerana penyakit.
- d. Menurut pendapat mazhab Ḥanafī adalah seperti penyakit mati pucuk, *jubb*, atau terpotong dua biji zakar, selain itu terdapat juga kecacatan lain yang dibolehkan fasakh apabila ia menjadi penghalang terlaksananya kewajipan antara suami isteri. Seperti penyakit pekak, buta dan lain sebagainya.

1.6.4. Pembubaran Perkahwinan Kerana Tidak Memberi Nafkah

Jumhur fuqaha berpendapat bahawa, seorang isteri berhak untuk menuntut daripada qadi untuk membubarkan perkahwinannya atau untuk melepaskan diri dari kesengsaraan atas sebab suami tiada memberi nafkah sama ada nafkah itu tiada diberikan kerana suami seorang yang susah atau sengaja tidak mahu memberikannya kerana mahu menzaliminya sedangkan beliau mampu menyediakannya.⁷¹

Jumhur ulama berpendapat demikian kerana Allah swt memerintahkan para suami tinggal bersama-sama isteri mereka dengan cara yang baik ataupun menceraikan mereka dengan cara yang baik juga. Ini didasarkan pada firman Allah yang terdapat dalam surat al-Baqarah ayat 229 :

الطَّلاقُ مَرْتَجَانٌ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرْرِيجٌ بِإِحْسَانٍ

Maksudnya :

"Talaq (yang boleh dirujuk kembali hanya) dua kali, sesudah itu boleh ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau (menceraikannya) dengan cara yang baik." QS Al-Baqarah: 229

Di dalam ayat yang lain Allah telah berfirman dalam surat al-Baqarah ayat 231:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَلْيَأْتُنَّ أَحَلَهُنَّ فَإِمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرْرُوحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَلَا تَمْسِكُوهُنَّ

ضَرَارًا لِتَعْتَدُو

Maksudnya :

"Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu kemudian mereka (hampir) habis tempo iddahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik, atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka) dan siapa yang melakukan demikian maka sesungguhnya dia menganiaya dirinya sendiri". QS Al-Baqarah: 231

Dari kedua ayat di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa ‘tidak mampu memberi nafkah’ adalah dikira tidak mampu hidup bersama dengan cara yang baik. Dengan demikian membawa kemudarat kepada isteri, kerana hidup tanpa memberi nafkah adalah satu kezaliman sedangkan seorang itu kebiasaannya tidak boleh hidup tanpa nafkah. Dari itu apabila suami tidak mampu memberi nafkah bererti beliau juga tidak mampu hidup bersama dengan cara yang baik. Ketika itu beliau mestilah menceraikan isterinya itu dengan cara yang baik. Sekiranya beliau enggan menceraikannya, maka qadilah yang menceraikan mereka.⁷²

Para Imam seperti Imam Malik, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad berpendapat bahawa, pembubaran perkahwinan melalui kuasa qadi, kerana suami tidak mampu memberikan nafkah adalah harus apabila isteri membuat aduan menuntut supaya dibubarkan perkahwinan mereka. Lebih-lebih lagi jika diketahui bahawa suami tersebut tidak memiliki sebarang harta.⁷³

Jika seorang suami yang senang atau mampu untuk memberi saraan hidup tetapi enggan memberi nafkah kepada isterinya, dalam hal ini Imam Syafi'i, Imam Malik, Abu Thur, Muhammad Abu Yusuf sependapat bahawa itu dapat sahaja diambil oleh isteri dari harta suaminya untuk keperluan hariannya sebagai nafkahnya. Maka beliau tidak boleh lagi melakukan *khiyar* ke atas suaminya itu. Kerana Rasulullah pernah menyuruh Hindun binti Utbah berbuat demikian dan Baginda tidak memberi hak melakukan *fasakh* kepadanya. Tetapi sekiranya isteri tidak berbuat apa-apa keputusan, beliau hendaklah mengadu kepada hakim. Hakim akan memerintahkan suami tersebut membayar nafkah kepada isteri. Jika beliau enggan dari membayar nafkah tersebut, beliau akan ditahan dan jika masih

juga tidak mematuhi perintah hakim, hakim akan mengambil sebahagian dari hartanya sebagai nafkah.⁷⁴

Jumhur ulama berpendapat bahawa nafkah yang wajib disediakan untuk isteri adalah sebagai ganjaran atau sebagai perkhidmatan isteri untuk kepentingan dan keperluan suaminya. Kerana itu apabila isteri mendurhakai suaminya beliau tidak berhak mendapat nafkah. Hilang pula hak suami menyetubuhi isterinya dan isteri boleh melakukan *khiyar*.⁷⁵

Menurut al-Ustaz H. Idris Ahmad. SH, adapun *fasakh* yang disebabkan tidak memberikan nafkah adalah sebagai berikut:

1. Suami miskin, setelah jelas kemiskinannya oleh beberapa orang saksi yang dipercayai, sehingga ia tidak sanggup lagi memberi nafkah. Sama ada pakaian sederhana, tempat, ataupun kerana mas kahwinnya belum dibayar sebelum bercampur.
2. Suami tidak mahu memberikan nafkah, bukan kerana dia miskin, sedangkan hakim telahpun memaksa dia. Dalam hal ini hendaklah diadukan terlebih dahulu kepada yang berwajib (pihak berkuasa). Umpamanya, qadi nikah supaya yang berwajib dapat menyelesaikan sebagaimana mestinya.
3. Setelah hakim memberi janji kepadanya sekurang-kurangnya tiga hari mulai dari hari isteri mengadu. Bila masa perjanjian itu telah sampai

sedangkan si suami tidak juga kunjung dapat menyelesaikannya, barulah hakim memfasakhkan nikahnya itu. Atau dia sendiri memfasakhkan dihadapan hakim setelah diizinkan oleh hakim.⁷⁶

Jenis Perceraian Kerana Tidak Memberi Nafkah

Pembubaran perkahwinan atau perceraian kerana tidak mampu menyediakan nafkah, menurut Imam Syafi'i dan Imam Ahmad digolongkan kepada *fasakh*. Ia tidak membabitkan bilangan talaq yang diperuntukkan oleh syarak untuk suami. Pembubaran ini berpunca dari ketidakmampuan suami menunaikan tanggung jawab terhadap rumah tangga. Ia berlaku tanpa kehendak dan lafadz yang keluar dari mulutnya. Sebaliknya ia berlaku dengan keputusan qadi, kerana itu ia tidak melibatkan bilangan talaq yang dimiliki oleh suami dan apabila kedua-duanya ingin memulakan hidup yang baru sebagai suami isteri maka perpisahan yang lalu tidak diambil kira dan ia dikira *fasakh*.⁷⁷

Sementara itu Imam Malik berpendapat bahawa, perceraian kerana tidak mampu memberi nafkah dikira talaq *raj'i*, tetapi tidak boleh rujuk melainkan setelah suami mampu menyediakan nafkah dan bersedia menunaikan kepada isterinya.⁷⁸

1.6.5. Pembubaran Perkahwinan Kerana Suami Ghaib

Apabila suami hilang tanpa pengetahuan isteri dalam satu-satu jangka waktu yang tertentu maka perkahwinan tersebut boleh dibubarkan melalui kuasa qadi. Pembubaran ini dilakukan atas tujuan untuk melepaskan isteri dari penderitaan zahir dan batin kerana ditinggalkan oleh suaminya.

Seorang isteri menurut mazhab Maliki boleh menuntut cerai apabila suami hilang, sekalipun ada harta yang ditinggalkan sebagai nafkah untuknya. Tuntutan cerai boleh dibuat apabila mencukupi syarat-syarat sebagai berikut:

1. Suami itu hilang bukan atas sebab keuzuran yang diharuskan oleh syarak
2. Isteri telah menanggung penderitaan kerana kehilangannya itu.
3. Hendaklah suaminya itu hilang di negeri yang bukan tempat tinggalnya.
4. Isteri telah menderita selama setahun⁷⁹(mengikut Mazhab Maliki) atau enam bulan mengikut mazhab Hanbali, dari tarikh ianya hilang.

Sekiranya hilang atas sebab-sebab yang diharuskan syarak, seperti kerana menuntut ilmu, atau bermiaga atau kerana memegang suatu jawatan di dalam suatu pekerjaan di tempat lain ataupun kerana menjalani tugas ketenteraan di tempat yang jauh, maka sebab-sebab di atas tidak membolehkan isteri meminta cerai. Begitu juga jika suami hilang di dalam kawasan tempat tinggalnya sendiri.⁸⁰

Menurut Abu Zahrah sekiranya suami hilang di negeri sendiri dalam tempoh lebih setahun lebih utama perkahwinannya dibubarkan, kerana pemergiannya itu atas hasrat menyakiti isterinya, maka ia dibubarkan kerananya.⁸¹

Di dalam masalah kehilangan suami, maka si isteri boleh meminta *fasakh*, kerana kehilangan suami yang tidak diketahui tempat tinggalnya atau hidup matinya. Dalam perkara ini si isteri hendaklah menunggu selama empat tahun sebelum menuntut *fasakh*. Begitulah menurut mazhab Syafi'i, Maliki dan Hanbali. Manakala mazhab Hanafi pula berpendapat hendaklah menunggu sehingga 99 tahun dari tarikh lahir suaminya. Walau bagaimanapun perkara yang disebutkan terakhir ini amat berlawanan dalam maslahah dan tidak sesuai dengan realiti zaman sekarang.⁸²

1.6.5.1. Prosedur Pembubaran Perkahwinan Kerana Suami Ghaib atau Hilang

Para ulama berlainan pendapat di dalam menentukan tempoh masa hilang yang membolehkan isteri membuat pengaduan kepada qadi. Imam Ahmad menetapkan bahawa, tempoh minimum yang membolehkan isteri menuntut cerai adalah selepas enam bulan dari mula ia ditinggalkan. Kerana Sayyidina 'Umar ra. Tidak membenarkan tenteranya berjauhan dari isteri mereka lebih dari enam bulan. Tempoh ini adalah masa yang paling lama yang mampu ditanggung oleh seorang perempuan berjauhan dari suaminya.⁸³

Imam Malik pula berpendapat bahawa masa yang membolehkan isteri meminta cerai setelah berlalu masa setahun. Ada pula yang berpendapat bahawa setelah berlaku masa tiga tahun. Dalam menunggu selama setahun, isteri itu mestilah benar-benar menanggung penderitaan seperti, kesunyian dan bimbangkan dirinya akan jatuh ke dalam perbuatan yang dilarang oleh Allah.⁸⁴

Selepas itu isteri tersebut bolehlah meminta qadi membubarkan perkahwinannya dengan talaq *ba'in*. Sama ada sepeninggalan suaminya itu beliau mendapat saraan hidup dari harta suaminya atau tidak. Begitu juga beliau berhak meminta cerai sama ada suaminya hilang atas sebab yang dibenarkan oleh syarak atau atas sebab yang tidak dibenarkan.⁸⁵

Proses perceraian atas sebab suami hilang akan dijalankan bergantung kepada sama ada keadaan suami diketahui atau tidak diketahui keadaannya. Jika suami tidak diketahui tempat tinggalnya, atau dia berada di suatu tempat yang tidak boleh disampaikan surat kepadanya, maka tatkala sabit keadaannya serta telah berlaku setahun lamanya, qadi akan menceraikannya dengan serta merta. Tetapi jika diketahui tempat tinggalnya dan boleh disampaikan surat kepadanya untuk meminta kembali kepada isterinya atau menyuruh mengambil isterinya untuk tinggal bersamanya. Beliau dikehendaki berbuat demikian dalam tempoh tertentu. Qadi akan memberi amaran kepadanya bahawa beliau akan menceraikan isterinya itu jika dalam tempoh tersebut beliau masih ingkar. Setelah tamat tempohnya atau suami masih berdegil maka qadi akan menjatuhkan talaq ke atas isterinya. Talaq tersebut dikira talaq *ba'in*, kerana dengan membenarkan suami rujuk hanya akan menyambung semula kesengsaraan yang lalu.⁸⁶

Imam Syafi'i berpendapat bahawa, kehilangan suami tidak boleh dijadikan sebab untuk membubarkan perkahwinan. Sebaliknya mengikut beliau, dasar untuk membubarkan suatu perkahwinan adalah kerana kesusahan dan kesempitan hidup yang terpaksa ditanggung oleh seorang isteri yang kehilangan suaminya. Jika sebab-sebab tersebut tidak dapat disabitkan, maka perkahwinan tersebut tidak boleh dibubarkan sekalipun suaminya telah hilang.⁸⁷

Berhubung dengan tempoh masa dan sebab membolehkan seseorang isteri meminta perkahwinan dibubarkan nyatakan pendapat Imam Ahmad lebih sesuai, kerana itu tempoh masa yang mampu ditanggung oleh seseorang isteri yang kehilangan suaminya. Selain dari pada itu pendapat beliau itu mempunyai alasan yang kukuh dan bersesuaian dengan tindakan 'Umar bin Khaṭṭāb ra. Yang tidak memanjangkan masa perpisahan lebih dari enam bulan antara isteri dengan suaminya yang berjauhan di medan perang.

1.6.6. Pembubaran Perkahwinan Kerana Suami Dipenjarakan

Imam Malik dan Imam Ahmad berpendapat bahawa apabila seseorang suami telah disabitkan ke atasnya hukuman penjara maka perkahwinannya boleh dibubarkan. Kerana hukuman tersebut boleh mendatangkan kemudaratkan ke atas isterinya yang mana beliau terpaksa berjauhan dengannya.

Apabila hukuman itu telah diputuskan dengan rasmi iaitu minimum tiga tahun dan beliau telah menjalani hukuman itu selama setahun atau lebih, maka dari saat ini isteri tersebut boleh menuntut dari qadi supaya membubarkan perkahwinannya dengan suaminya itu, atas sebab penderitaan yang terpaksa beliau tanggung berpunca dari berjauhan dengan suaminya itu. Setelah sabit aduan itu qadi akan menjatuhkan talaq ba'in. Ini berdasarkan mazhab Imam Malik. Tetapi mengikut mazhab Imam Ahmad perceraian atas sebab ini adalah dikira *fasakh*.⁸⁸

Imam Malik dan Imam Ahmad berpendapat bahawa, isteri boleh menuntut *fasakh* apabila suami dipenjarakan dalam tempoh lebih dari tiga tahun. Isteri boleh menuntut *fasakh* setelah suaminya menjalani hukuman itu selama satu tahun.⁸⁹

Di dalam masalah suami dipenjarakan, merupakan salah satu alasan bagi isteri untuk meminta cerai melalui qadi yang disebabkan suami dipenjara yang kerananya isteri menjadi kesunyian atau tidak ada yang menjaga dirinya sebab pisah dari suami

1.6.7. Pembubaran Perkahwinan Kerana Suami Hilang dan Dipenjarakan Dalam Sesetengah Enakmen Keluarga Islam

Pembubaran perkahwinan kerana suami hilang dan kerana dihukum penjara di dalam sesetengah enakmen keluarga Islam di Malaysia barat ialah berdasarkan kepada mazhab Imam Malik.

Terdapat perbezaan dalam enakmen tersebut dengan apa yang dilakukan oleh Sayyidina ‘Umar ra, yang menjadi ikutan mazhab Imam Ahmad, dimana mazhab ini membolehkan seorang isteri yang ditinggalkan suaminya selama enam bulan menuntut dibubarkan perkahwinannya. Ini lebih hampir dengan kehendak syarak yang mengambil kira tentang kepentingan dan keperluan seseorang dengan adil dan bertimbang rasa jika dibandingkan dengan tempoh setahun bagi membuktikan beliau menuntut pembubaran perkahwinannya.

1.6.8. Pembubaran Perkahwinan Kerana Penganiayaan

Di dalam masalah pembubaran perkahwinan kerana penganiayaan ini, terutama penganiayaan terhadap isteri, merupakan salah satu sebab kekacauan di dalam rumah tangga.

Banyak terdapat kes-kes di mahkamah yang berhubungan dengan penganiayaan terhadap isteri. Seperti suami memukul isteri di luar batasan yang dibenarkan oleh Islam. Di dalam perkara seperti apabila mudarat lebih besar daripada manfaat, maka haruslah isteri meminta suami untuk menceraikannya melalui mahkamah. Oleh kerana itu mahkamah boleh memaksa suami untuk menceraikan isterinya. Jika ia enggan untuk menceraikannya, dan apabila diperintah untuk berbuat demikian oleh pihak mahkamah. Ini kerana mudarat yang menimpa isteri itu adalah lebih besar dari paksaan yang dikenakan terhadap

suami kerana isteri adalah satu amanah yang dikurniakan oleh Allah swt dan perbuatan tersebut adalah perbuatan yang tidak diridainya.

1.7. Hikmah *Fasakh*

Adapun hikmah mengapa Islam mengharuskan *fasakh* adalah sebagai berikut:

1. Untuk mengekalkan kasih sayang antara suami isteri dan menjauahkan perasaan benci membenci disebabkan suatu keaiban yang ada pada diri seseorang.
2. Memberi hak memilih kepada suami isteri selepas akad nikah di atas perkara-perkara yang menghalang mencapai tujuan perkahwinan yang dikehendaki oleh syarak.
3. Perkahwinan lebih penting dari pada jual beli dan syarat-syarat dalam perkahwinan lebih utama dipenuhi daripada syarat-syarat jual beli iaitu khiyar (memilih).
4. Allah dan Rasul-Nya sekali-kali tidak membenarkan berlaku sebarang penipuan dan pemalsuan dari semua bentuk akad terutama akad perkahwinan.
5. Keharusan *fasakh* adalah sumber-sumber dan dasar keadilan Islam demi kebaikan umatnya supaya mereka hidup dalam rumah tangga yang aman, tidak terancam jiwanya oleh sesuatu perasaan yang mengganggu ketenteraman hidupnya.

6. Islam mahu umatnya menghindarkan diri dari pada sebarang kemudarat dan bukan menyumbang kepada sebarang bentuk kemudarat dan penganiayaan dalam rumah tangga.⁹⁰

1.8. Penutup.

Dari pada pembahasan di atas dapat dilihat beberapa bentuk atau kaedah yang dapat dilakukan manakala seorang suami atau isteri hendak membubarkan suatu perkahwinan. Hak talaq nampaknya dipegang oleh suami bila ia hendak menceraikan isterinya sama ada wujud sebab mahupun tanpa sebarang sebab yang jelas. Namun demikian di dalam ajaran Islam isteri tetap diberi hak untuk melepaskan tali perkahwinan melalui jalan *khuluk, taklik dan fasakh*, walaupun kaedah ini memerlukan elemen-elemen khas bila si isteri mahu melepaskan ikatan perkahwinan dengan suaminya.

Khusus pada *fasakh* terdapat lima macam syarat yang mesti dipenuhi bila si isteri mahu melaksanakan perceraian, iaitu: kecacatan (*‘uyub*), tidak memberi naflkah, suami hilang, suami dipenjarakan, dan penganiayaan.

Dapat dikatakan bahawa *fasakh* ini merupakan salah satu jalan penyelesaian terbaik bagi isteri untuk membubarkan perkahwinannya dengan suaminya yang untuk selanjutnya dapat membina ikatan perkahwinan baru yang lebih baik, tanpa sebarang masalah, sama ada secara sengaja mahupun tak disengaja, setelah melalui suatu pengalaman dari kegagalan dalam rumah

tangganya sebelum yang terdahulu. Sebarang kemudaratian hendaklah dihindarkan.

Sebagaimana yang telah disentuh di atas bahawa perceraian dengan jalan *fasakh* ini sebagai hak yang sering digunakan oleh pihak isteri. Namun demikian, sebenarnya *fasakh* bukan setakat isteri sahaja yang boleh menggunakkannya, malah ianya merupakan hak bagi mana-mana pihak yang terlibat dalam suatu ikatan perkahwinannya itu. Ertinya suami juga mempunyai hak untuk menggunakan *fasakh* untuk membubarkan ikatan perkahwinan, tidak kira sama ada ia disebabkan oleh kecacatan atau halangan lain. Disamping itu permohonan *fasakh* ini juga boleh dibuat melalui kuasa hakim.

Pada dasarnya *fasakh* terjadi kerana sebab-sebab yang terjadi baik yang datang sewaktu akad mahupun yang datang sesudah akad. Dan ditinjau dari sebab yang merusak itu maka *fasakh* mempunyai dua klasifikasi iaitu: *fasakh* yang berkehendak kepada keputusan hakim, dengan melalui proses pengadilan, dan *fasakh* yang tidak berkehendak kepada keputusan hakim iaitu waktu isteri mengetahui adanya sebab yang merusak perkahwinannya, ketika itu mereka wajib *memfasakhkan* perkahwinannya dengan tanpa melalui proses.

-
- ¹ Republik Indonesia, *Undang-undang Perkahwinan No I Tahun 1974 dan PP N 9 Tahun 1975*, Surabaya h. 17
- ² Sheikh Othman bin Shekh Salim *Kamus Dewan*.cet.4 Kuala Lumpur.1993.Dewan Bahasa Pustaka.hlm. 322
- ³ Ibn Abidin, 1966, *Hasyiyah Radd al-Muhtar 'ala Dur al-Muhtar*, Mesir. Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi Juz. 3. hal. 590
- ⁴ Moh. Muhyiddin Abd. Hamid. *Al-Akhwal Al-Syahsiyah fi Al-Syara'i al-Ukhra*. Cet.3 Mesir. Maktabah Al-Sa'adah. Hlm. 243
- ⁵ Ibid
- ⁶ Abdul Wahid Salayan SH. *Iktisar Hukum Islam*. Mimbar Padang. 1964.hlm.218
- ⁷ Kamal Mukhtar. *Azaz-Azaz Hukum Islam Tentang Perkahwinan* . Bulan Bintang . Jakarta. hlm.207
- ⁸ Haji Dusuki Haji Ahmad *Kamus Pengetahuan Islam*.Cet.2 Kula Lumpur.Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia. Kuala Lumpur.
- ⁹ Ibn Manzur, 1994, *Lisan al-Arab*, Bairut: Dar al-Fikr, Juz. 5 hal. 45
- ¹⁰ Al-Sayyid Sabiq, 1988, *Fiqh al-Sunnah*, Bairut: Dar al-KutubJilid. 2. hal. 268
- ¹¹ Ibn Manzur, *of.cit*, Juz 5, hal. 45
- ¹² Ibn Abidin, *of.cit*, Jld 3, hal. 226
- ¹³ Al-Dusuqi , *of.cit*, 347
- ¹⁴ Umar Abdullah . *Al-ahkam Al-Syar'iyyah Fi-Al-Ahwat Al-Syahsiyyah*. Dar Al-Ma'arif Cet. 4.1963 hl.507-508.
- ¹⁵ Lihat pandangan mazhab Syafi'i dalam *Mugni al-Muhtaj*, *of.cit* hal. 202
- ¹⁶ Lihat al-Ali Hasb Allah, 1968, *al-Furqah Bain al-Zawjayn*, Kaherah: Dar al-Ahad al-Jadid, hal. 167
- ¹⁷ Al-Syirbini, *of.cit*. hal. 279
- ¹⁸ Badran, *of.cit*, hal. 176 – 177
- ¹⁹ Lihat Al-Syazili,Dr. Muhammad Nabil Sa'ad, 1989, *Ahkam al-Usrat fi al-Fiqh al-Islami*, Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiah, hal. 280 – 284
- ²⁰ Wahbah Al-Zuhayli. *Op. Cit.* Juz. 7. Hlm. 43-44
- ²¹ Ali Hasb Allah, *of.cit*, hal 119
- ²² Mohd. Muhyiddin Abd Hamid. *Op. Cit.* Cet. 4. Hlm. 244
- ²³ Ibid
- ²⁴ Abd al-Fattah Muhammad Abu al-Husayni,1992,*al-Islam wa al-Usrat, Dirasah Muqaranah fi Daw'i al-Madhahib al-Fiqhiyya*, Kaherah: al-Farmawi, Juz 2, hal. 324-379
- ²⁵ Abd al-Karim Zaydan, 1994, *al-Mufassal*, Bairut, Muassasah al-Risalah. Juz 8, hal. 485-493
- ²⁶ Al-Syekh Sulayman Al-Bujairimi. *Bujairimi 'Ala al-Khatib* Juz 3 (Edisi Akhir). Mesir. Maktaba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh. 1951. Hlm. 366
- ²⁷ Surat Al-Baqarah :226-227
- ²⁸ Abd Al-Rahman Al-Jaziri. *Op.cit*. hlm. 474
- ²⁹ Al-Imam Yusuf al-Irdabili al-Anwar, 1970, *Li A'mal al-Abrah*, (Ed.Aakhir) Juzuk. 2, Mu'assasah al-Halabi Wa Sirkah Li al-Nasyr Wa al-Tawzi, hlm. 290 - 292
- ³⁰ Al-Sayyid Sabiq. *Fiqh al-Sunnah*. Juz. 2. Beirut. Dar al-Kitab al-Arabi. 1969. Hlm. 197. uwafiq al-Din Abi Muhammmad bin Abdillah Ibn Qudamah, Al-Mughni wa al-Syarah al-Kabir. Juz. 8. Beirut. Dar al-Kitab al-Arabi. 1972 hlm. 534
- ³¹ Al-Syekh Muhammad al-Lhatib al-Sarbini. *Mughni al-Muhtaj*. Juz. 3. Beirut. Dar al-Fikr. 1978. Hlm.351
- ³² Abd Rahman Al-Jaziri. *Op.Cit*. hlm. 484-485
- ³³ Al-Syekh Shihab al-Din al-Qalyubi wa Al-Syekh al-Umayrah Ihya'. *Al-Kutub Arabiyyah li Ashabiha 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syirkah Maktaba'ah*.hlm. 274-275.
- ³⁴ Muhammad Najib Al-Muti'i i *Op.cit*. Juz 16. Hlm. 396-397.
- ³⁵ Muhammad Abu Zuhrah. *Op.Cit*. hlm. 95
- ³⁶ Surat Al-Maidah: 89
- ³⁷ Al-Sayyid Sabiq. *Op.cit*. hlm 197.
- ³⁸ Muwaffiq al-Din Abi Muhammad bin'Abdullah Ibnu Qudaimah. *Op.cit*. hlm. 273
- ³⁹ Dr. Abd Gaffar Ibrahim Salih *Op.cit*. hlm.273
- ⁴⁰ Al-Syekh Abdulllah bin Hijazi bin Ibrahim al-Syarqawi wa al-Syekh Abi Yahya Zakariyya al-Ansari, *Hasyiyah 'Ala Tuhfah al-Tulla*, juz 2. Dar al-ikr. Tt. Hlm. 314.

-
- ³⁶ Abi al-Abbas Ahmad Syibah al-Din bin Hajar. *Fath al-Jawad bi Syarh al-Irsyad* (Ed.2) juz 2. Mesir. Matba'ah Mustafaal-Babi al-Halabi wa Auladuh. 1971. Hlm. 191
- ³⁷ Surat Al-Nur: 6-9
- ³⁸ Al-Imam Yusuf al-Irdabili, *Op.cit.* hlm. 314
- ³⁹ Al-Sayyid Sabiq, *Op. Cit.* Hlm. 138
- Dr. Wahbah Al-Zuhayli. *Op.cit.* hlm. 563
- ⁴⁰ Al-Syekh Sulayman al-Bujairimi. Juz. 4. Hlm. 27
- ⁴¹ al-Imam Yusuf al-Irdabili, *Op.cit.* hlm. 317
- ⁴² Dr. Abd Gaffar Ibrahim Salih, *Op.cit.* hlm. 275
- Al-Syekh Muhammed al-Khatib al-Sarbaini, *Mughni Muhtaj*, juz. 3. Beirut. Dar al-fikr. 1978. Hlm. 376
- ⁴³ Al-Imam Yusuf al-Irdabili. *Op.cit.* hlm. 317
- ⁴⁴ Abi al-Abbas Ahmad Syibah al-Din bin Hajar. *Op.cit.* hlm. 197
- ⁴⁵ Al-Syekh Sulayman al-Bujairimi. *Op.cit.* Juz 4. hlm. 28
- ⁴⁶ Al-Imam Yusuf al-Irdabili, *Op.cit.* hlm. 317
- ⁴⁷ Al-Syekh Sulayman al-Bujairimi. *Op.cit.* Juz 4. Hlm. 34
- ⁴⁸ Abi al-abbas Ahmad Syibah al-Din bin Hajar, *Op.cit.* (1971). Hlm. 197
- ⁴⁹ Abu Abdillah Muhammad bin Idris al-Syafi'i. *Op.cit* hlm. 291
- ⁵⁰ Al-Syekh Sulayman al-Bujairimi. *Op.cit.* juz. 4. Hlm. 34
- ⁵¹ *Ibid.* hlm. 31.
- ⁵² Surat al-Nur: 8
- ⁵³ Al-Imam Yusuf al-Irdabili. *Op. Cit.* Hlm. 317
- ⁵⁴ Muhammad Abu Zuhra. *Al-Abwal al-Syakhsiyah* (Ed 3) Dar al-Fikr al-Arabi. 1957. hlm. 376.
- ⁵⁵ Al-Syekh Sulayman al-Bujairimi. . Juz. 3. Hlm. 364-365
- ⁵⁶ Sham Al-Din Muhammad Abi al-Abbas Al-Ramli al-Syafi'i. *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj*. (Ed akhir) juz.6 Mesir. Matba'ah Mustafa Al-Babi al-Halabi wa Auladuh. 1967. Hlm. 208-209.
- ⁵⁷ Al-Syekh Muhammad al-Khatib al-Sarbaini. *Op.cit.* hlm. 202.
- ⁵⁸ Dr. Abd Gaffar Ibrahim Salih. *Op. Cit.* Hlm. 251
- ⁵⁹ Muhammad Abu Zuhra. *Op. Cit.* Hlm. 382.
Al-Rahman al-Jaziri. *Op. Cit.* Hlm. 180
- ⁶⁰ Dr. Ahmad Al-Ghandur. *Al-Thalaq fi Al-Syari'ah al-Islamiyyah wa Al-Qanun Bahith Muqaran*. Mesir Dar al-Ma'arif. 1967. Hlm. 123
- ⁶¹ Al-Syekh Sulayman. *Op. Cit.* Hlm. 361
- ⁶² Dr. Gaffar Ibrahim Salih. *Op. Cit.* Hlm. 252
- ⁶³ Muhammad Najib al- Mut'i. *Al-Majmu' Syarh al-Muhadhab*. Juz. 15. Jeddah Matabah Al-Irsyad tt. Hlm. 158
- ⁶⁴ Abd Rahman al-Jaziri. *Op.cit.* hlm. 193
- ⁶⁵ *Ibid.* hlm. 194-195
- ⁶⁶ *Ibid.* hlm. 196
- ⁶⁷ Dr Abd Gaffar Ibrahim Salih. *Op. Cit.* Hlm. 252
- ⁶⁸ Abi Abdillah Muhammad bin Idris. Al-Syafi'i, *Al-Umm*. Juz. 5 (Ed 2). Beirut. Dar al-Ma'rifah li Al-Tiba'ah wa al-Nasry. 1973. Hlm. 85.
- ⁶⁹ Dr. Abd Gaffar Ibrahim Salih. *Op.cit.* hlm. 255.
Abd Rahman al-Jaziri. *Op.cit.* hlm. 193
- ⁷⁰ Dr AbdGaffar Ibrahim Salih. *Op. Cit.* Hlm. 256
- ⁷¹ Dr. Abd Gaffar Ibrahim Salih. *Al-Raj'ab fi al-Fiqh al-Islami*. Dirasah Muqaranah Ma'a Bayan Ma Yajiri 'Alayh al-Amal fi Al-Mahakim al-Misriyyah wa Sudaniyyah al-Nahdah al-Misriyyah. 1974. Hlm. 241
- ⁷² Dr Abd Gaffar Ibrahim Salih .*Op. cit.* Hlm. 241
- ⁷³ Al-Syyid Sabiq. *Op. Cit.* Juzz. 2 hlm. 287-288
- ⁷⁴ Dr. Abd Gaffar Ibrahim Salih .*Op.cit.* hlm. 243.
Muhammad bin Ali Muhammad al-Syaukani. *Op.cit.* hm. 131
- ⁷⁵ Muhammad Ismail al-Khalani. *Subul al-Salam*. Juz. 3 (Ed 4) Mesir. Matba'ahMustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuh. 1960. Hlm. 224
- ⁷⁶ Wahbah Al-Zuhayli. *Op. Cit.* Juz. 7. Hlm. 370

-
- ⁷⁷Muhammad Abu Zuhra. *Al-Ahwāl al-Syakṣiyah* (Ed 3). Dar al-Fikr al-Arabi. 1957. Hlm. 376
Abd. Rahmān al-Jazīrī. *Op.cit.* hlm. 582-584
Dr. Muhammad Mustafa Syahatan Al-Husaynī. *Al-Ahwāl al-Syakṣiyah fī Ahkām al-Zawāj wa al-Talaq a al-Eddah wa al-Nafaqah, wa al-Huqūq al-Awlad* (Ed 6) . Matba'ah Dar al-Ta'lif . 1974.hlm. 142
- ⁷⁸Muhammad Abū Zuhra. *Op. Cit.* Hlm. 376. Abd Rhman al-Jaziri. *Op. Cit.*hlm. 581
⁷⁹Setahun yang dimaksud adalah setahun Islam Lihat Abu Zuhra. *Op. Cit.* Hlm. 389
- ⁸⁰Al-Sayyid Sabiq. *Op. Cit.* Hlm. 291-292. Dr.Muhammad Syahtah Al-Husaini, *Op. Cit.* Hlm. 142
- ⁸¹Muhammad Abu Zuhra *Op. Cit.* Hlm. 389
- ⁸²Wahbah al-Zuhayli. *Op. Cit.* Hlm. 272
- ⁸³Muhammad Abu Zuhra. *Op. Cit.* Hlm. 390Dr. Wahbah al-Zuhayli. *Op. Cit.* Hm. 533
- ⁸⁴Al-Sayyid Sabiq. *Op. Cit.* Hlm. 292. Dr. Wahbah Al-Zuhayli. *Op. Cit.* Hlm. 533
- ⁸⁵Dr Abd Gaffar Ibrahim Salih.*op.cit.* hlm. 259.Dr. Wahbah Al-Zuhayli. *Op. Cit.* Hlm. 533
- ⁸⁶Muhammad Abu Zuhra. *Op. Cit.* Hlm. 389
- ⁸⁷Muhammad Abu Zuhra. *Op. Cit.* 275-276
- ⁸⁸Al-Sayyid Sabiq. *Op. Ctt.* Hlm. 292. Dr. Wahbah Al-Zuhayli *Op. Cit.*hlm. 533
- ⁸⁹Dr. Wahbah al-Zuhayli. *Op. Cit.* Hlm. 279
- ⁹⁰Dakwah. Mc. 1996. Hlm. 17